

## Perdana Menteri menongkat kelemahan BN

KUALA LUMPUR: PAS menyifatkan perubahan besar dilakukan BN dengan membuka keahlian kepada ahli bersekutu termasuk NGO, sekadar untuk menongkat kelemahan BN yang mula ditolak rakyat.

Menegaskan perkara ini, Presiden PAS, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang berkata, BN sedang menghadapi hakisan teruk dalam parti masing-masing.

MCA dan Gerakan yang merudum dan Umno sendiri terpaksa menanggungkan pemilihannya, jika tidak dia akan hadapi krisis yang lebih besar, ujarnya.

"Kerjasama PAS dengan NGO sudah bermula sekian lama, khususnya pada tahun

1999 hingga kini. Namun, PAS tidak perluaskan sehingga NGO-NGO ini menyertai PAS yang akan menyebabkan ia lebih terikat dan tidak bebas.

"Yang penting ialah kerjasama dan persefahaman dibentuk. PAS bergerak lebih fleksibel. Kita tidak mahu NGO yang mengampu, tetapi PAS perlukan NGO yang mengkritik, memperbetulkan kesilapan untuk mempertingkatkan usaha sebelum memasuki pilihan raya," tegas beliau.

Menyentuh gabungan dalam Pakatan Rakyat, Ustaz Abdul Hadi menegaskan, tidak ada gabungan yang formal dengan satu logo

sebagaimana BN, kerana kekangan tertentu dari aspek perundangan.

Namun yang lebih penting, katanya ialah persefahaman. Jika satu logo sekalipun tetapi tidak ada persefahaman tidak ada gunanya.

Ujar beliau lagi, Pakatan Rakyat boleh membentuk kerajaan dengan logo yang berlainan seperti di Australia dan Indonesia, mereka bertanding dengan logo yang berbeza, namun selepas pilihan raya mereka berjaya menubuhkan kerajaan.

"Di atas persefahaman inilah kita bergerak berasaskan konvensyen Pakatan Rakyat pertama di

Shah Alam. Pakatan tidak pernah membincangkan siapa bakal Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

"Ini kerana bagi kita ianya terlalu awal. PAS tidak mahu apabila diumumkan, pemimpin ini akan dibunuh (karier politiknya) di tengah jalan," tegas Ahli Parlimen Marang itu.

PAS katanya, meletakkan persefahaman sebagai asas dan membiarkan ketokohan itu lahir daripada rakyat.

